

PETRONAS

(SEMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI, 25 OGOS.)

1984

KUALA LUMPUR, 25 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGARAHKAN PETRONAS MENYUSUN STRATEGI MEMASTIKAN SUPAYA KOS PEMILIKANNYA DALAM INDUSTRI PETROLEUM TIDAK TERLALU TINGGI DAN TEKANAN YANG LEBIH DIBERI KEPADA HASIL YANG DIPEPOLEHI.

BELIAU BERKATA JIKA HASIL YANG TINGGI BOLEH DITINGKATKAN DENGAN USAHASAMA YANG BERNESAN, ASPEK INI PERLU DITIMBANG DENGAN WARAS TANPA DIPENGARUHI +JINGGISM+ (SIKAP TERLALU CINTAKAN TANAH AIR.)

BERUCAP DI MAJLIS BAKAN MALAM SEMPENA ULANGTAHUN KE-10 PETRONAS DI SEBUAH HOTEL DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA DALAM HUBUNGAN INI ADALAH LEBIH BAIK JIKA PETRONAS MENGHADKAN PENGLIBATANNYA KEPADA BIDANG-BIDANG YANG IA MAMPU, BUKAN SAHAJA DARI SEGI MODAL TETAPI JUGA KEPAKARAN DAN DAYA PENGURUSAN.

PETRONAS PERLU MEMENTUKAN SEJAUH MANA IA INGIN MEMASUKI SESUATU BIDANG DALAM INDUSTRI ITU, BATA BELIAU LALU MENYEBUT PEPATAH MELAYU +HAJAT HATI NAK PELUK GUNUNG APAKAN DAYA TANGAN TAK SAMPAI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PELUANG PERLU DIBERI KEPADA BADAN-BADAN ATAU SYARIKAT LAIN BAGI MEMASUKI KEGIATAN-KEGIATAN YANG MEREKA LEBIH TERDAYA. -- LAGI.

BELIAU BERKATA ANTARA PIHAK LAIN IALAH ORANG PERSEORANGAN DAN PENIAGA KECIL YANG INGIN MENDAPAT PELUANG DARI SUMBER MINYAK NEGARA SENDIRI.

KATANYA, GEJALA-GEJALA YANG KURANG SIHAT MUNGKIN TIMBUL DENGAN ADANYA PENGLIBATAN ORANG PERSEORANGAN DAN SYARIKAT LAIN DARIPADA PETRONAS TETAPI DENGAN ANANAH YANG MEMANG SEDIA ADA PADA PETRONAS GEJALA INI BOLEH DIBENDUNG.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MINYAK DAN GAS BUKANLAH MONOPOLI SESEBUAH NEGERI TETAPI IA MERUPAKAN HAK NEGARA.

KATANYA, SOAL-SOAL LOJISTIK MUNGKIN MEMAKSA KERAJAAN MENEMPATKAN PELBAGAI INDUSTRI YANG BERNKAITAN DENGAN PETROLEUM DI NEGERI-NEGERI YANG PERDEKATAN DENGAN TELAGA MINYAK.

BAGAIMANAPUN, KATA BELIAU, SEBAGAI PERUSAHAAN MILIK NEGARA, DI MANA SOAL LOJISTIK TIDAK MENGHALANG, INDUSTRI-INDUSTRI TERSEBUT HENDAKLAH JUGA DISEBAR KE NEGERI-NEGERI LAIN YANG TIDAK BERNASIB BAIK. -- LAGI.

PETRONAS KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA INI ADALAH SEJAJAR DENGAN DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA DI MANA KERAJAAN INGIN MENABUR INDUSTRI KE SELURUH NEGARA. WALAUPUN DEMIKIAN PERTIMBANGAN YANG SERIUS MESTILAH DIBERI KEPADA KOS PENALTYNYA.

+ JIKA KOS PENALTY MELEBIHI KEUNTUNGAN SOSIO-EKONOMI, DASAR PENABURAN INDUSTRI TERSEBUT TIDAKLAH PATUT DIUTAMAKAN,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU USAHAWAN-USDAHAWAN MELAYU SUPAYA TIDAK HANYA MENUNGSU PELUANG DATANG MENGEOLEK TETAPI HENDAKLAH SENTIASA BERSEDIA DARI SEGI KENAHIRAN DAN MODAL AGAR SETIAP KALI PELUANG WUJUD, MEREKA DAPAT MERESUTNYA.

BELIAU BERKATA PENYERTAAN SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN AKAN MEMBOLEHKAN NEGARA INI MENJIMATKAN PENGALIRAN KELUAR MODAL DAN DALAM WAKTU YANG SAMA PULA, MENGUNTUNSKAN MEREKA DARI SEGI INPUT TEKNOLOGI DAN KEPAKARAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENARIK PERHATIAN TERHADAP PERANAN KONTRAKTOR TEMPATAN DALAM BIDANG PEMBEKALAN DAN PEMBINAAN.

KERAJAAN DAN PETRONAS, KATANYA, TIDAK BERNIAT UNTUK MEMBERI PELUANG KONTRAK PEMBEKALAN DAN PEMBINAAN KEPADA ORANG ASING MALAH SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN LEBIH DIUTAMAKAN. -- LAGI.

+ MALANGNYA KERAPKALI DIDAPATI SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN BUKAN SAHAJA TIDAK ADA KEPAKARAN TETAPI MEREKA TIDAK BERUSAHA MENDAPATKAN KEPAKARAN YANG DIPERLUKAN,+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA PERKONGSIAN YANG DIBUAT DENGAN SYARIKAT ASING KERAPKALI MELIBATKAN INDIVIDU-INDIVIDU YANG TELAH SIBUK DENGAN PERNIAGAAN LAIN DAN OLEH ITU MEMBIARKAN RAKAN PERKONGSIAN MEREKA MENJALANKAN SEMUA KERJA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN HASANYA SUDAH SAMPAI UNTUK PENGUSAHA DAN KONTRAKTOR DI NEGARA INI MENGGHUSUSKAN DALAM BIDANG TERTENTU DAN JANGAN CUBA MEMASUKI SEMUA BIDANG +DENGAN HARAPAN JUMLAH PENDAPATAN YANG SEDIKIT DARI TIAP-TIAP SATU AKAN MENJADI BANYAK.+

PETRONAS PULA, KATANYA, HENDAKLAH MEMBERI LAYANAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT SEPERTI INI LEBIH DARI SYARIKAT YANG MEMPUNYAI NAMA YANG TERKENAL.

BELIAU BERHARAP DENGAN CARA INI NEGARA AKAN DAPAT MEMBINA KECEKAPAN DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU DENGAN CARA LEBIH BERKESAN DAN LEBIH PESAT.

--BERNAMA.